

isma
UK-EIRE

Laporan Projek

LANGKAH SANDAKAN

10-14 Julai 2026
Sandakan, Sabah

YAYASAN IKHLAS
Peduli & Prihatin

ISI KANDUNGAN

03 Butiran Program

05 Sukarelawan

06 Laporan Harian

13 Cadangan Penambahbaikan

14 Kalam Pengarah



3 OBJEKTIF

MENGHAYATI
MEMBIMBING
MENGINSPIRASI

5 HARI

10- 14 JULAI 2026

7 SUKARELAWAN

MAHASISWA LUAR NEGARA

5 KOMUNITI

3 KAMPUNG
2 SEKOLAH

1000+ ORANG

BERJAYA DISANTUNI



100 KIT KEBERSIHAN

BERJUMLAH RM 2840.00

30 BAKUL MAKANAN

BERJUMLAH RM 1500.00

150 SET BUKU & ALAT TULIS

BERJUMLAH RM 418.00

200 ROTI GARDENIA

BERJUMLAH RM 240.00

SUMBANGAN UNTUK PROJEK SOLAR

BERJUMLAH RM 1,881.12

JAMUAN MAKAN PENDUDUK KAMPUNG

BERJUMLAH RM 763.55

LANGKAH SONDAKAN

SUKARELAWAN



Dania — University of Edinburgh



Waznah — University of Bristol



Adam — University of Glasgow



Darwisy — University College London



Azmir — University of Sheffield



Thaqif — University of Glasgow



Hamka — University of Leeds

LAPORAN HARIAN

HARI PERTAMA: KEBERANGKATAN KE BUMI SANDAKAN & AGIHAN BANTUAN





KEBERANGAKATAN KE SANDAKAN

Pada 10 Julai 2026, para sukarelawan berlepas dari KLIA 1 dan selamat tiba di bandar Sandakan pada jam 13.25 petang. Ketibaan kami di Lapangan Terbang Sandakan disambut oleh Ustaz Hisham Romel, selaku Eksekutif Operasi Yayasan Ikhlas cawangan Sandakan. Sebelum meneruskan perjalanan, kami singgah di Al Falah Fouz Banana Leaf untuk makan tengah hari sambil berkenalan dan melakukan penyelerasan awal misi. Usai makan, kami bergerak ke MyDin untuk mendapatkan kit kebersihan yang akan diagihkan kepada penduduk Kampung Bahagia.

AGIHAN BANTUAN KE KAMPUNG BAHAGIA

Kampung Bahagia ini telah terjejas akibat kebakaran besar yang memusnahkan lebih daripada 1000 buah rumah beberapa bulan yang lalu. Tragedi tersebut telah menyebabkan ramai penduduk kehilangan tempat tinggal dan harta benda. Akibatnya, sebahagian besar mangsa terpaksa berlindung di khemah-khemah sementara, dengan setiap khemah dikongsi bersama empat buah keluarga. Di sana, kami disambut oleh Cikgu Anuar Mohd Noh yang mengiringi kami sepanjang sesi ziarah dan agihan bantuan. Bersama-sama ketua kampung, kami berpeluang menyantuni para penduduk serta mengagihkan sebanyak 100 kit kebersihan kepada keluarga yang memerlukan.







PERKONGSIAN BERSAMA USTAZ ZAIDI

Selepas mendaftar masuk ke penginapan, kami menziarahi Ustaz Zaidi bin Mohammad Jalil, Ketua Penerangan ISMA Sabah merangkap Timbalan Pengetua MRSM Sandakan. Sesi dimulakan dengan makan malam, diikuti perkongsian mengenai isu orang tanpa negara dari sudut politik dan sejarah yang membuka perspektif baharu terhadap demografi Sabah. Beliau turut memperkenalkan hala tuju Agenda ISMA melalui MU2040 dan OBI2120, serta menekankan peranan setiap individu dalam menyebarkan kebaikan dan nilai-nilai Islam.

LAPORAN HARIAN

HARI KEDUA: KAMPUNG KAIBOTON



MENYANTUNI PENDUDUK MUALAF DI KG KAIBOTON

Hari kedua dimulakan seawal 3.00 pagi dengan qiamullail sebelum para sukarelawan menunaikan solat Subuh secara berjemaah di Masjid Nurrusyakirin. Kami juga berkesempatan mendegar kuliah subuh dari Ustaz Muhd Nur, selaku YDP ISMA Sandakan. Selesai menunaikan solat, semua sukarelawan berkumpul untuk sesi bacaan doa selamat dan taklimat ringkas sebagai persediaan sebelum memulakan perjalanan ke Kampung Kaiboton yang mengambil masa hampir lima jam.

Setibanya kami di Masjid Al-Aqsa, Kampung Kaiboton sekitar jam 2.30 petang, kami disambut mesra oleh Abang Ajai, individu yang banyak membantu menguruskan komuniti mualaf di kampung tersebut serta menjadi penghubung utama kami sepanjang program berlangsung. Kami dapat bertemu dan berbual mesra bersama keluarga-keluarga mualaf di sana. Di samping itu, kami turut berpeluang mendengar pengalaman perjalanan hidup mereka sebelum memeluk Islam, sekali gus memberikan sokongan moral dan semangat kepada mereka dalam meneruskan kehidupan sebagai saudara baharu.







AKTIVITI AMALI SOLAT DAN WUDHU



Program dimulakan dengan aktiviti amali solat dan wudhu bersama kanak-kanak. Kami membuat demonstrasi cara solat dan wudhu dan diikuti dengan pelbagai permainan menarik agar dapat memupuk semangat kerjasama, keyakinan diri serta menjadikan pembelajaran lebih menyeronokkan. Selain itu, para sukarelawan turut meluangkan masa bersama penduduk kampung sambil mengagihkan roti gardenia bagi mengeratkan ukhwah serta memahami kehidupan harian mereka.



Pada sebelah petang, sebanyak 20 bakul makanan telah diagihkan kepada keluarga yang hadir di Masjid Al-Aqsa, manakala 10 bakul makanan lagi dihantar secara ziarah dari rumah ke rumah kepada keluarga yang uzur atau tidak dapat hadir ke masjid. Agihan ini diharap dapat membantu meringankan beban penduduk seterusnya menunjukkan keprihatinan dan sokongan terhadap kesejahteraan mereka.

Sesi bersama Kampung Kaiboton diakhiri dengan aktiviti memasak bersama penduduk dan meluangkan masa membimbing mereka membaca Iqra' serta berkongsi kisah-kisah para nabi. Melalui perbualan bersama mereka, zahir rasa keinsafan apabila melihat mereka sentiasa bersyukur meskipun masjid dan rumah hanya berbekalkan lampu solar, air tangki yang terhad dan air tadahan bukit. Sejurus masuk waktu Maghrib, kami menunaikan solat berjemaah sebelum menikmati makan malam bersama.













LAPORAN HARIAN

HARI KETIGA: PERKONGSIAN & SESI REFLEKSI





SESI PERKONGSIAN DAN REFLEKSI

Selepas bermalam di Kg Kaiboton, hari ketiga dimulakan dengan bacaan al-Ma'thurat, sesi taklimat serta refleksi program. Para sukarelawan juga berpeluang mendengar perkongsian daripada Abang Ajai dan isteri mengenai sejarah penubuhan Masjid Al Aqsa. Mereka berkongsi tentang cabaran yang mereka hadapi dalam usaha menyebarkan dakwah. Antaranya termasuklah tentangan daripada beberapa penduduk kampung dan ketua kampung semasa peringkat awal pembinaan masjid sehingga terdapat insiden kepala khinzir diletakkan di kawasan masjid sebagai satu bentuk provokasi. Walaupun berdepan dengan pelbagai ujian, Abang Ajai tetap cekal dan bersemangat meneruskan usaha sehingga berjaya menubuhkan masjid pertama di Kampung Kaiboton.





Sebelum meninggalkan Kampung Kaiboton, para sukarelawan bergotong-royong membersihkan kawasan masjid sebagai penghargaan atas layanan dan kerjasama yang diberikan sepanjang kami berada di sana. Selain itu, beberapa peralatan yang digunakan sepanjang aktiviti di Kampung Kaiboton turut diwakafkan untuk kegunaan penduduk kampung. Cenderahati turut disampaikan kepada Abang Ajai atas jasa dan komitmen beliau dalam memastikan kelancaran program.

LAPORAN HARIAN

HARI KEEMPAT: JELAJAH SEKOLAH DAN LAWATAN KE KAMPUNG CENDERAMATA

PUSAT PENGAJIAN AL QURAN AL-KISAIE SANDAKAN





Hari dimulakan dengan perjalanan menuju ke Pusat Pengajian Al-Kisaie, sebuah pusat yang menyediakan kelas mengaji, penguasaan 3M (membaca, menulis dan mengira) serta bimbingan fardu ain kepada kanak-kanak yang tidak berkewarganegaraan. Kami menjalankan pelbagai aktiviti pembelajaran dan permainan interaktif yang bertujuan memupuk minat belajar dan membina keyakinan diri. Antara aktiviti yang dijalankan termasuklah Kad Memori Islam, Teka Sunnah (Charades), Islam Pictionary dan Pass the Parcel. Aktiviti-aktiviti ini memfokuskan kepada pengenalan sunnah-sunnah Rasulullah dan asas Islam, di samping mengasah daya ingatan, meningkatkan fokus serta memupuk semangat kerjasama dalam kalangan murid.

SURAU AT-TOYYIBAH,

Selepas bersarapan di Al-Kisaie, para sukarelawan terus bergerak ke Surau At-Toyyibah yang terletak di Kampung Cenderamata. Ketibaan kami disambut oleh Ustaz Shahrol, wakil Yayasan Ikhlas Sandakan. Di sana, kami menyediakan beberapa stesen interaktif seperti Imbang Objek, Group Drawing, Kad Memori Islam, Word Puzzle dan Hit the Target untuk melaksanakan slot yang dinamakan 'Explorace Rukun Islam'. Setiap aktiviti disusun khas bagi memperkukuhkan kefahaman para peserta mengenai Rukun Islam melalui pendekatan yang santai dan mudah difahami bersesuaian untuk kanak-kanak. Mereka mengikuti setiap aktiviti dengan penuh semangat, ceria dan menunjukkan kerjasama yang baik dalam kumpulan. Selain itu, para sukarelawan turut mengagihkan roti gardenia kepada semua peserta sebagai tanda penghargaan atas penyertaan mereka dalam program ISMA UK-EIRE. Seterusnya, para sukarelawan bergotong-royong membersihkan kawasan surau serta mewakafkan peralatan kebersihan untuk kegunaan pihak surau.



Selesai program di surau, Ustaz Hisham Romel membawa para sukarelawan menyusuri sekitar Kampung Cenderamata. Lawatan ini memberi peluang kepada para sukarelawan untuk melihat sendiri kehidupan masyarakat setempat, termasuk keadaan penempatan yang serba sederhana dan sebahagiannya merupakan kawasan setinggan. Sepanjang lawatan, kami beramah mesra dengan penduduk kampung sambil mengagihkan roti sebagai sumbangan kecil yang disambut dengan penuh kegembiraan.

LAPORAN HARIAN

HARI KEEMPAT: JELAJAH SEKOLAH DAN LAWATAN KE KAMPUNG CENDERAMATA

SMKA TUN JUHAR

Selesai program di Kampung Cenderamata, para sukarelawan menikmati makan tengah hari di Norlisa Indo Taste & Catering sebelum kembali ke penginapan untuk berehat seketika. Pada sebelah petang, para sukarelawan bergegas menghadiri jemputan ke SMKA Tun Juhar bagi mengadakan sesi "Menelusuri Pendidikan Tinggi". Sesi tersebut bertujuan memberi pendedahan kepada pelajar sekolah tentang hala tuju yang boleh diterokai selepas SPM, tip permohonan biasiswa mengikut aliran serta berkongsi pengalaman melanjutkan pengajian di luar negara. Para pelajar turut menerima buku nota Langkah Sandakan dan alat tulis, manakala pihak sekolah menyampaikan cenderahati sebagai tanda penghargaan penghargaan atas kehadiran para sukarelawan ke SMKA Tun Juhar. Program ini diakhiri dengan sesi bergambar bersama para pelajar serta jamuan minum petang yang disediakan oleh pihak dewan makan.







Malam terakhir kami di Sandakan diisi dengan perlawanan persahabatan futsal antara pasukan ISMA UK-Eire dan pasukan ISMA Sandakan sebagai medium untuk mengeratkan ukhwah sesama ahli pasukan. Perlawanan yang berakhir dengan kemenangan 4–3 memihak kepada pasukan ISMA UK-Eire itu kemudiannya diteruskan dengan sesi perkongsian oleh Ustaz Hisham. Beliau menyampaikan pelbagai nasihat serta berkongsi pengalaman berharga yang dapat menjadi sumber inspirasi kepada para sukarelawan untuk meneruskan perjalanan menjadi insan yang berbakti kepada masyarakat.




LAPORAN HARIAN

HARI KELIMA: KEBERANGKATAN PULANG

PEJABAT ISMA SANDAKAN



Para sukarelawan bergerak ke Pejabat ISMA Sandakan untuk sesi refleksi terakhir bersama Ustaz Muhammad Nor, Yang Dipertua (YDP) ISMA Sandakan. Dalam sesi tersebut, kami berkongsi pengalaman, cabaran serta pengajaran dari perspektif masing-masing yang diperoleh sepanjang menjayakan misi kemanusiaan di Sandakan. Ustaz Muhammad Nor turut berpesan agar meneruskan semangat kesukarelawanan dan keikhlasan dalam berkhidmat.

Beliau turut berharap, ukhuwah yang terjalin sepanjang program terus dipelihara dan diteruskan demi memberi manfaat kepada lebih ramai masyarakat pada masa hadapan. Selain itu, para sukarelawan turut berbincang tentang aspek-aspek yang boleh ditambah baik bagi meningkatkan kualiti pelaksanaan Projek Borneo di Sandakan pada tahun-tahun akan datang.

SEPILOK DAN PERJALANAN PULANG

Sebelum pulang, kami membuat lawatan ke Sepilok untuk sesi Training of Volunteers (TOV). Lawatan ini memberikan pendedahan kepada para sukarelawan mengenai usaha pemuliharaan kepentingan khazanah alam semula jadi dan memelihara biodiversiti dan habitat hidupan liar di Sabah. Akhirnya, kami berkumpul di lapangan terbang pada jam 5 petang untuk kembali ke semenanjung.





RINGKASAN KEWANGAN

Kategori	Perkara	Nilai
Sumber dana	Perentukan ISMA UK R&R	£500
	Dana melalui GofundMe	£444.31
	Personal Fundraise	£986
	Dana daripada program Three Peak challenge	£412.00
	Sumbangan Dari Yayasan Ikhlas Sandakan	RM1500
	dan lain lain (Friends&Family, self sponsor, advisors)	RM3096.4
Jumlah		+RM17,092.86

Kategori	Perkara	Nilai
Perbelanjaan	Pengangkutan dan tempat penginapan sukarelawan	RM4060
	Makan & minum sukarelawan	RM1248
	Minyak kenderaan	RM529.93
	Tiket penerbangan	RM1490
	Aktiviti Training of Volunteer (TOV)	RM212
Jumlah		-RM7539.98

RINGKASAN KEWANGAN

Kategori	Perkara	Nilai
Perbelanjaan	Bakul makanan dan kit kebersihan	RM4340
	Barang persiapan dan aktiviti	RM935.76
	Sumbangan untuk Projek Solar	RM 1881.12
	Buku dan alat tulis	RM 418
	Roti Gardenia	RM240
	Sumbangan kepada wakil Yayasan Ikhlas	RM1700
Jumlah		RM9552.88

Perbelanjaan projek telah dikategorikan berdasarkan fungsinya, iaitu 'Langsung' dan 'Pengurusan'. Perbelanjaan Langsung merujuk kepada dana yang digunakan bagi membiayai kos-kos operasi seperti pembelian barang-barang bantuan, seperti bakul makanan & kit kebersihan, buku & alat tulis, roti dan projek solar. Hasil kutipan dana daripada sumbangan orang ramai serta aktiviti fundraising telah digunakan sepenuhnya kepada pembelian barang-barang bantuan. Manakala perbelanjaan Pengurusan merujuk kepada kos-kos 'overhead' yang ditanggung oleh sukarelawan seperti kos pengangkutan, tempat tinggal dan makanan. Kos ini telah ditampung sepenuhnya oleh para sukarelawan dengan menggunakan dana peribadi.

CADANGAN PENAMBAHBAIKAN

01 | Perancangan & Logistik

- Sediakan masa tambahan antara aktiviti bagi mengelakkan kelewatan.
- Lakukan kajian awal lokasi dan komuniti sebelum program.
- Ambil kira waktu solat, waktu bekerja dan faktor cuaca dalam tentatif.
- Semak jadual sekolah sebelum menetapkan aktiviti.
- Kenal pasti jenis kenderaan dan anggaran kos minyak lebih awal.

02 | Aktiviti & Penglibatan Komuniti

- Menambah jumlah bantuan sesuai dengan bilangan penerima dan keperluan setempat.
- Gunakan pendekatan lebih interaktif seperti permainan, nyanyian dan kuiz.
- Sediakan sesi pembelajaran secara individu bagi peserta yang memerlukan.
- Sediakan bahan agama dengan panduan sebutan Rumi untuk memudahkan pembelajaran.
- Sediakan mainan dan bahan pendidikan sebagai galakan penglibatan kanak-kanak.
- Sesuaikan tempoh aktiviti mengikut keperluan setiap lokasi.

CADANGAN PENAMBAHBAIKAN

03 | Program Pendidikan

- Al Kisaie: Peruntukkan 3–4 jam untuk penyampaian dan interaksi yang lebih menyeluruh.
- Surau At-Toyyibah: Peruntukkan sekitar 3 jam dan sertakan aktiviti seperti explorace.
- SMKA Tun Juhar: Peruntukkan sekitar 2 jam dengan penambahan slot kerjaya dan laluan pendidikan.
- Fokus sesi kerjaya khusus bagi pelajar Tingkatan 4 dan 5 serta sediakan ruang soal jawab secara bertulis.

04 | Pengurusan Pasukan & Media

- Tetapkan pembahagian tugas media yang jelas: fotografi, videografi dan media sosial.
- Adakan refleksi dan perbincangan harian untuk menilai pelaksanaan dan persediaan hari berikutnya.

05 | Pengurusan Kewangan

- Masukkan anggaran kos bahan api mengikut jenis kenderaan dalam bajet awal.
- Semak kelayakan subsidi diesel BUDI lebih awal bagi kenderaan pacuan empat roda yang berkaitan.

KALAM PENGARAH

Sebagai penutup, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada pihak ISMA UK-EIRE atas peluang yang diberikan kepada kami untuk menyertai program sukarelawan. Peluang ini bukan sahaja memberikan ruang untuk kami berbakti, bahkan membuka pengalaman yang begitu bermakna dalam mengenali dan mendekati saudara-saudara yang terjejas dan memerlukan bantuan di Sandakan. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga ditujukan kepada Yayasan Ikhlas yang telah banyak membantu dan membimbing kami sejak hari pertama kami menjejakkan kaki di Sandakan sehinggalah hari terakhir program. Tidak boleh dilupakan juga buat para sukarelawan dan advisors yang telah berusah payah meluangkan masa, tenaga dan fikiran dalam memastikan Projek Sandakan ini dapat dilaksanakan dengan sebaiknya. Setiap individu memainkan peranan yang tersendiri dan tanpa kesungguhan serta kerjasama semua pihak, perjalanan projek ini pastinya tidak sama.

Sepanjang berada di Sandakan, kami bukan sahaja hadir untuk memberi, tetapi turut menerima sesuatu yang jauh lebih besar iaitu sebuah kesedaran. Kami dibukakan mata untuk melihat realiti kehidupan yang berbeza daripada apa yang biasa kami lalui. Kami belajar bahawa di sebalik kesederhanaan sesebuah kehidupan, terdapat kisah, perjuangan dan harapan yang begitu besar. Pengalaman ini mengajar kami untuk lebih menghargai nikmat yang selama ini mungkin kami anggap biasa. Dan daripada segala pengalaman yang dilalui, ada satu perkataan yang ingin kami bawa bersama dalam kehidupan selepas ini: “Syukur.” Syukur bukan sekadar ucapan ketika menerima sesuatu yang baik, tetapi sebuah cara untuk melihat kehidupan. Semoga kami sentiasa bersyukur dengan apa yang dimiliki, tidak lupa kepada mereka yang kurang bernasib baik, dan sentiasa mempunyai hati untuk kembali membantu apabila diberikan kesempatan. Projek Sandakan 2026 bukan sekadar menjadi sebuah program yang telah selesai, tetapi menjadi titik permulaan untuk kami terus berbakti dan inshaAllah akan datang lagi pada masa hadapan.



Laporan ini disediakan oleh

Muhammad Darwisy Amsyar
Pengarah Langkah Sandakan 2026




لقد وس السلام المؤمن


LANGKAH
SANDAKAN
SURAU
ALAMSA
KG. KAMBOTON
SUGUT






SOLAT




VOLUNTEER TEAM









